



06 JUL, 2024
`Bahan sabun`

Utusan Sarawak, Malaysia





06 JUL, 2024

'Bahan sabun'

Utusan Sarawak, Malaysia



'Bahan sabun' bernilai RM2.4 juta dirampas

MIRI: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Sarawak berjaya menggagalkan cubaan menyeludup dadah jenis ketamin seberat lebih 49 kilogram (kg) dianggarkan bernilai lebih RM2.4 juta susulan penahanan seorang lelaki warganegara tempatan di dalam sebuah kenderaan di sini, 27 Jun lalu.

Pengarah Kastam Negeri Sarawak, Norizan Yahya berkata bertindak atas maklumat hasil risikan Ibu Pejabat JKDM Putrajaya yang disalurkan oleh Zon Risikan Sarawak, sepasukan pegawai

Unit Narkotik Kastam Stesen Miri berjaya menahan suspek tersebut sekitar 8.00 malam.

Katanya, suspek ditahan sejurus selepas menuntut 24 kotak kiriman dari sebuah syarikat penghantaran kargo udara di Miri.

"Pemeriksaan awal ke atas kenderaan berkenaan telah membawa kepada penemuan 24 kotak yang diikrarkan sebagai bahan asas untuk pembuatan sabun (soap base) di bahagian bonet kenderaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati setiap kotak mengandungi satu ketulan

'soap base' yang telah dikeraskan.

"Setelah pemeriksaan rapi dibuat, pasukan serbuan menjumpai dua paket plastik bertulisan 'Tie Guan Yin' disembunyikan di dalam setiap ketulan 'soap base' tersebut.

"Sejumlah 48 paket plastik 'Tie Guan Yin' mengandungi ketulan kristal telah ditemui disembunyikan dalam 24 ketulan 'soap base'.

"Hasil ujian awal ke atas ketulan kristal tersebut didapati positif dadah berbahaya jenis ketamin dengan anggaran berat 49.318 kg dan anggaran nilai sebanyak RM2,465,900," katanya pada sidang media yang diadakan di Auditorium Warisan Budi di Pejabat JKDM di sini, semalam.

Barang kes berserta kenderaan tersebut telah disita di bawah Seksyen 30(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi tujuan siasatan lanjut.

Pada 28 Jun lalu, suspek telah dihadapkan ke Mahkamah Miri untuk tujuan permohonan permohonan reman di bawah Seksyen 31B(1) Akta sama.

Mahkamah telah memerintahkan agar suspek ditahan reman selama enam hari.

Norizan berkata, siasatan awal suspek didapati menggunakan perkhidmatan penghantaran kargo udara dari Kuala Lumpur ke Miri dengan menyembunyikan barang larangan, iaitu dadah berbahaya di dalam ketulan bahan asas untuk pembuatan sabun soap base dan diikrar sebagai 'soap base' bertujuan untuk mengaburi pihak berkuasa.

Kes disiasat di bawah Seksyen 39B(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan jika sabit kesalahan boleh dihukum gantung sampai mati atau penjara seumur hidup dan boleh dijatuhkan hukuman sebat tidak kurang 15 sebatan sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati.

Sehubungan itu, Norizan menggesa orang ramai membantu pihak JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti tersebut.

"Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah ia turut mendatangkan ancaman keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat," katanya.

Beliau menasihatkan orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.

Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti pemberi maklumat adalah dirahsiakan.



06 JUL, 2024

`Bahan sabun`

Utusan Sarawak, Malaysia



SUMMARIES

J K D M . ^ ^ r f j

'Terbang' dari KL ke Miri sebelum dituntut suspek yang dicekup kastam

TUMPAS... • J M K b ^ Pengarah Kastam - Negeri Sarawak, Norizan Yahya bersama anggota lain menunjukkan bungkus an dadah yang dirampas pada 27 Jun lalu di Miri pada sidang media di Auditorium Warisan ^ Budi di Pejabat J K D M . ^ ^ r f j Miri semalam.